



## Kenyataan Media

### TIADA CAJ TAMBAHAN BAGI AKSES 5G

**CYBERJAYA, 11 JANUARI 2024** - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menyokong penuh komitmen Kerajaan MADANI untuk memastikan penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih tidak mengenakan caj tambahan bagi akses kepada rangkaian 5G.

Pengumuman oleh Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil mengenai perkara tersebut adalah selari dengan usaha berterusan kerajaan dalam menyediakan akses teknologi telekomunikasi canggih yang adil dan saksama buat seluruh rakyat Malaysia.

MCMC akan memastikan setiap penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih mematuhi komitmen yang telah dinyatakan.

Setakat 31 Disember 2023, perkhidmatan rangkaian 5G telah berjaya mencapai 80.2 peratus liputan di kawasan berpenduduk.

Sekiranya terdapat aduan berhubung caj akses 5G, pengguna boleh menyalurkannya menerusi Portal Pengguna MCMC di <https://aduan.mcmc.gov.my> atau hubungi talian 1-800-188-030.

### KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: +60 3 86 88 80 00 | F: +60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKNM\_MCMC



MCMCTV